



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran
Perdana Presint 4, 62100
Putrajaya

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (10)

Tarikh: 14 April 2019

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA BASMI DENGGI SEMPENA KARNIVAL KOMUNITI KPKT 2019

AMPANG, 14 April 2019 – YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan Program Gotong-Royong Perdana Basmi Denggi sempena Karnival Komuniti KPKT 2019 di Taman Kosas Ampang.

Gotong-royong ini juga diadakan bagi memenuhi tanggungjawab KPKT dalam mencapai matlamat Dasar Komuniti Negara untuk mendayakan komuniti di kawasan perumahan khususnya di kawasan berstrata supaya terlibat secara aktif dalam pembangunan holistik komuniti. Gotong royong perdana ini bagi memenuhi kluster 2, Dasar Komuniti Negara iaitu Kebersihan, Alam Sekitar dan Kesihatan.

Selain itu, penganjuran gotong-royong perdana ini dirasakan perlu bagi memerangi denggi yang meruncing di Selangor. Data oleh Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan CPRC, Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan sejumlah 20,278 kes direkodkan bagi tempoh 30 Disember 2019 hingga 25 Mac 2019.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, gotong-royong perdana ini diadakan secara serentak di lapan lokasi lain iaitu:

1. Pangsapuri Ampang Mewah, Ampang – dengan kerjasama Majlis Perbandaran Ampang Jaya
2. Apartment Medan Cahaya – dengan kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya
3. Padang Balai Masyarakat JKP Zon 8, Kg Tengah, Batu 13, Puchong – dengan kerjasama Majlis Perbandaran Subang Jaya
4. Flat Taman Kem, Pelabuhan Klang – dengan kerjasama Majlis Perbandaran Klang
5. Desa Vista, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang – dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sepang
6. Medan Selera Taman Pinggiran Batu Caves – dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang
7. Seksyen 2, Bandar Rinching Semenyih – dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kajang
8. Pangsapuri Rimau Perdana, Pangsapuri Rimau Indah & Taman Bukit Kemuning – dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam

Inisiatif penganjuran gotong-royong ini diharapkan dapat memastikan komuniti penduduk sentiasa menjaga kawasan kediaman sendiri dan kawasan gunasama supaya terhindar daripada menjadi kawasan pembiakan nyamuk dan sama-sama berusaha memastikan kawasan kediaman masing-masing berdaya huni iaitu bersih, sihat, selamat dan aman.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 7 Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*